

6 MAC 2018

## Rahsia guni dalam Proton Wira

### Rahsia guni dalam Proton Wira

**Butterworth:** Polis Pulau Pinang merampas lebih setengah tan (540 kilogram) ganja bernilai lebih RM1.7 juta hasil penahanan seorang lelaki dalam tiga serbuan berasingan di Kepala Batas pada Sabtu dan Ahad lalu.

Dalam serbuan jam 10 malam Ahad lalu, polis yang menerima maklumat risikan memeriksa sebuah kereta Proton Wira dipandu lelaki berusia 47 tahun di Jalan Bertam Pertama, Kepala Batas dan menemui satu guni berisi 10 bungkusan plastik lut sinar yang setiap satunya mengandungi ketulan mampat tumbuhan kering disyaki ganja dengan anggaran berat 10.025 kilogram (kg) bernilai RM30,900.

Sumber berkata, suspek

ditahan untuk siasatan lanjut dan hasil penahanan itu polis kemudian menyerbu sebuah rumah tidak bernombor di Paya Keladi Masjid jam 12.30 tengah malam Sabtu lalu sebelum menemui satu tong oren bertutup dan satu plastik oren yang mengandungi 55 bungkusan plastik lut sinar setiap satu berisi ganja dengan anggaran berat 10.006kg.

Katanya, serbuan di rumah berkenaan juga menemui kotak kertas dalam keadaan tertutup yang mengandungi 17 peket plastik lut sinar setiap satu berisi bahan disyaki dadah heroin dan satu bekas polisterin mengandungi peket plastik lut sinar mengandungi tujuh peket plastik dengan setiap satu berisi syabu.